

03 JAN 2000

Umno-perpaduan/I

AGENDA UMNO DI SEBALIK PENDIRIAN MT

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Setelah berjaya menangkis satu tentangan sengit pada pilihan raya lepas, Umno kini merapatkan semula barisan bagi memantap kedudukannya untuk kekal sebagai parti dominan di negara ini yang dapat dijadikan tempat bergantung rakyat di masa susah dan senang.

Keputusan sebulat suara Majlis Tertinggi Umno hari ini supaya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai presiden parti dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan sebagai timbalan presiden, merupakan petanda jelas bahawa Umno mahukan gejala politik dikurangkan ke tahap paling minimum.

Pendirian MT supaya kedua-duanya tidak ditandingi seharusnya dilihat oleh semua bahagian parti, yang berkuasa memilih calon untuk pemilihan parti pada 11 Mei ini, bahawa Umno tidak sepatutnya melalui satu lagi pemilihan yang sengit setelah apa yang dialaminya pada pilihan raya baru-baru ini.

Abdul Razak Abdullah Baginda, yang mengetuai Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia, sebuah kumpulan cendekiawan politik, berkata bahawa berdasarkan keputusan pada mesyuaratnya hari ini, MT sebenarnya memberi tumpuan kepada satu agenda lebih besar dengan mengambil kira pengalaman parti itu pada pilihan raya November lepas.

"Nampaknya, memang ada satu agenda lebih besar, (iaitu) perlunya parti mendapat semula kepercayaan orang Melayu, untuk menentang PAS. Nampaknya, pemimpin-pemimpin parti membuat kesimpulan bahawa sebarang pertandingan bagi jawatan-jawatan tertinggi akan mengalih tumpuan Umno daripada isu pokok yang sedang dihadapinya," katanya kepada Bernama.

Abdul Razak berkata terdapat satu kemungkinan yang Umno harus hadapi jika berlaku pertandingan untuk dua jawatan tertinggi itu -- parti berpecah lagi dan juga mereka yang tewas akan menyertai PAS memandangkan parti pembangkang itu telah berjaya menarik ramai pengundi Melayu pada pilihan raya umum lepas.

Kali terakhir kedua-dua jawatan tertinggi Umno itu ditandingi ialah pada pemilihan 1987. Pada masa itu ramai dari kem yang tewas diketuai naib presiden ketika itu Tengku Razaleigh Hamzah, meninggalkan Umno.

Pada pilihan raya lepas, Umno, tunjang kepada Barisan Nasional, kalah beberapa kerusi. PAS bukan saja menembusi beberapa kubu Umno tetapi dikatakan meraih lebih banyak undi daripada Umno di kawasan Melayu.

Mengenai Abdullah, Abdul Razak berkata bahawa pendapat umum ialah beliau adalah pengganti Dr Mahathir, dengan menambah : "bagi saya, tidak ada orang lain."

"Hanya sebilangan kecil, mungkin di Kelantan dan Terengganu (yang dikuasai oleh PAS) berpendapat Abdullah bukan pengganti. Tetapi di seluruh negara, kaum Cina, India dan masyarakat lain menyokong Abdullah sebagai bakal perdana menteri," katanya.

Abdul Razak berkata mungkin ada yang mempertikaikan keupayaan Abdullah sebagai perdana menteri tetapi cakap-cakap seperti itu memang dijangkakan -- tetapi tidak penting -- kerana mengambil kira ketokohan luar biasa Dr Mahathir.

"Sesiapa saja yang akan menggantikan Dr Mahathir akan dibayangi ketokohan luar biasanya. Beliau pemimpin berwawasan tetapi Abdullah akan menyediakan kesinambungan yang diperlukan oleh negara.

"Di bawah Abdullah, Malaysia akan memasuki apa yang saya anggap sebagai

tempoh mengurangkan kerancakan tetapi beliau akan menyumbangkan aspek kesederhanaan dan kesinambungan kepada sistem yang ada," katanya.

Ketika ditanya mengenai Tengku Razaleigh yang kembali ke pangkuan Umno pada 1996, Abdul Razak berkata: "Saya yakin Tengku Razaleigh akan membawa perubahan termasuk daripada segi personaliti kerana Tengku Razaleigh mempunyai perwatakan yang kuat.

Tetapi katanya, Tengku Razaleigh telah lama tidak mempunyai kuasa, tidak seperti Abdullah, dan beliau harus akui beliau mempunyai tugas yang sukar untuk naik semula dalam parti.

Abdul Razak berkata Dr Mahathir yang memasuki tahun ke 19 sebagai presiden Umno dan perdana menteri, mengharapkan satu pemuafakatan dalam Umno agar Abdullah diterima sebagai penggantinya dan mahukan perhimpunan agung parti Mei ini untuk menyetujuinya.

Katanya : "Jika perhimpunan agung Umno menerima Abdullah sebagai No 2, barulah wajar bagi Dr Mahathir berundur. Penerimaan seperti itu akan memudahkan perdana menteri meninggalkan sebuah parti yang akan menyokong kepimpinan baru."

Menurut Abdul Razak, Dr Mahathir sendiri sering berkata beliau ingin meninggalkan Umno yang kukuh dan itulah sebabnya beliau menyokong Abdullah demi peralihan kuasa yang licin.

Katanya sukar untuk menyatakan bila Dr Mahathir akan berundur tetapi ada andaian bahawa paling awal ialah pada penghujung tahun ini.

"Katakanlah beliau berundur penghujung tahun ini, ini akan memberikan masa dua hingga tiga tahun kepada Abdullah untuk mengukuhkan kedudukannya dalam Umno menjelang pemilihan parti akan datang.

"Jika inilah keadaannya, peluang Tengku Razaleigh untuk naik seperti yang dijangka oleh sesetengah pihak, akan lebih sukar," kata Abdul Razak.

Bagaimanapun, bekas Naib Canselor Universiti Malaya Datuk Dr Syed Hussein Alatas tidak bersetuju dengan keputusan supaya jawatan tertinggi itu tidak ditandingi, dengan alasan bahawa kedua-dua jawatan tertinggi itu harus menjadi rebutan kerana seseorang pemimpin yang dipilih akan menjadi lebih berprestij.

Katanya strategi tiada pertandingan itu adalah sesuatu yang sementara yang diguna semasa krisis parti pada 1987 dan tidak harus dijadikan amalan.

"Jika saya memegang jawatan politik, saya lebih suka ianya ditandingi. Tidak kiralah berapa undi yang kita menang, ianya satu amalan demokrasi.

"Sebuah parti matang seperti Umno tidak harus gentar menghadapi pertandingan, dan jika ada masalah dengan mentaliti pertandingan, mentaliti itu harus dibetulkan," kata Syed Hussein, seorang ahli sosiologi bertaraf antarabangsa dan kini seorang professor di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau berkata : "Pertandingan tidak harus dikorbankan. Walaupun kita menyokong Dr Mahathir dan Abdullah untuk kedua-dua jawatan tertinggi itu, pertandingan harus diadakan juga.

"Kebimbangan mengenai adanya pertandingan mengingatkan saya tentang satu rejim diktator yang mempunyai seorang pemimpin yang dipilih tanpa pertandingan. Pemimpin seperti itu akan sentiasa dipertikai oleh rakyat," katanya.

-- BERNAMA

AU MAI